

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)  
 Hari/Tarikh: 6/1/2016  
 Muka surat: 14

Tajuk : 520 peserta sertai tarian suwey cipta nama dalam MBOR

# 520 peserta sertai tarian suwey cipta nama dalam MBOR

**SIBU:** Seramai 520 peserta menyertai tarian suwey beramai-ramai di Rumah Panjang Kejaman Neh Long dekat sini dalam usaha mencipta nama dalam Malaysia Book Of Records (MBOR).

Aktiviti anjuran Persatuan Bangsa Kejaman Sarawak (PBKS) itu bermula jam 7 pagi dengan pendaftaran serta pengagihan nombor kepada peserta.

Peserta terlibat terdiri daripada penduduk dua rumah panjang iaitu Rumah Kejaman Neh Long Liten dan Rumah Kejaman Lasah Long Segaham.

Bagaimanapun, keputusan rasmi masih dalam permohonan kepada MBOR.

Menteri Muda Kebudayaan dan Warisan Liwan Lagang hadir merasmikan program tersebut.

Hadir sama Pegawai Tadbir Sarawak (SAO) Kuba Lusat, Penghulu Jackson Kubang dan Ketua Kampung Senin Neh.

Suwey adalah tarian tradisional etnik Kejaman dan kebiasaannya tarian itu dipersembahkan pada hari-hari kebesaran atau untuk meraikan kedatangan pelawat ke rumah panjang terutama

pelancong.

Tarian ini biasanya ditarikan secara berkumpulan dan seorang ketua biasanya lelaki berada di hadapan sekumpulan penari wanita dan ketua tersebut memulakan pergerakan diikuti penari-penari lain.

Turut berlangsung ialah prapelanconan Kamus Bergambar Bahasa Kejaman Versi 1 ditulis oleh pensyarah UNIMAS Ameer Joan dan seorang anak jati Kejaman, Jacquelyne Ekot.

Kamus berkenaan mempunyai 57 muka surat dengan 262 patah perkataan.



**PELANCARAN:** (Dari kanan) Senin, Jacquelyne, Ameer, Liwan, Kuba dan Jackson bersama pada pelanconan Kamus Bergambar Bahasa Kejaman Versi 1.



**CIPTA REXXO:** Para peserta wanita mengenakan pakaian tradisional kaum Kejaman.



**TELEJATI:** Antara peserta tarian Suwey daripada kaum lelaki.